

TARIKH	21 / 03 / 2013	SEKSYEN	Letters
MUKA SURAT	32	RUANGAN	Letters

Dapatkan visa umrah, baru tempah tiket penerbangan

? Sebagai agensi pelancongan umrah dan ziarah, kami masih tertanya-tanya garis panduan baru kerajaan Arab Saudi berhubung pengeluaran visa. Adakah kerajaan menyediakan sesi penerangan untuk membantu kami mengelak jemaah umrah daripada terkandas.

Zulkarnain Jamaludin
Nibong Tebang, Pulau Pinang

D Kerajaan akan meminta Tabung Haji memberi penerangan kepada syarikat pelancongan dan ejen umrah bagi memastikan mereka sentiasa mengemas kini peraturan terbaru Arab Saudi. Walaupun Tabung Haji tidak mempunyai kaitan dengan pakej umrah anjuran syarikat pelancongan, namun sesi penerangan itu perlu bagi membolehkan mereka memahami dengan jelas peraturan semasa kerajaan Arab Saudi termasuk berhubung pengeluaran visa umrah.

Buat masa ini, Kerajaan Arab Saudi sedang memperkemas proses pengeluaran visa umrah dengan

“
Kerajaan Arab Saudi sedang memperkemas proses pengeluaran visa umrah dengan mengenakan syarat baru, termasuk mewajibkan wanita membawa mahram sendiri”

menggunakan syarat baru, termasuk mewajibkan wanita membawa mahram sendiri. Mungkin langkah memperkemas proses berkenaan ada kaitan dengan projek naik taraf Masjidilharam di Makkah yang secara tidak langsung menyebabkan kawasan tawaf menjadi sempit.

Justeru, syarikat pelancongan atau ejen umrah perlu memastikan mereka mendapat visa terlebih dulu sebelum menempah tiket penerbangan dan menetapkan tarikh perjalanan jemaah.

Datuk Seri Jamil Khir Baharom,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

TARIKH	21 / 03 / 2013	SEKSYEN	Letters
MUKA SURAT	32.	RUANGAN	Letters



Jemaah umrah perlu **mendapatkan visa umrah** untuk elak terkandas di lapangan terbang.

[GAMBAR HIASAN]